Kesinambungan Tatabahasa Latin dalam Tatabahasa Melayu

Karim Harun
Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia
linguist@pkrisc.cc.ukm.my

Abstrak

Perkembangan penulisan tatabahasa Melayu adalah berkesinambungan. Penulisan tatabahasa ini bermula dengan pemaparan jadual-jadual konjugasi oleh Frederick de Houtman (1603), diikuti dengan penghuraian tatabahasa oleh Danckaerts (1623) yang berbentuk *regulae* dan penghasilan buku tatabahasa yang lengkap berbentuk *schulgrammatike* oleh Roman (1653). Ketiga-tiga tatabahasa Melayu awal ini juga dikesani berkesinambungan dengan tatabahasa-tatabahasa lain yang dihasilkan di Eropah, khususnya tatabahasa Latin. Justeru makalah ini akan membincangkan kesinambungan idea tatabahasa Latin dalam tatabahasa Melayu abad ke-17. Idea kesinambungan ini akan dibincangkan berlandaskan disiplin sejarah linguistik. Hasilnya, didapati kesinambungan tatabahasa Latin ke dalam tatabahasa Melayu dapat dilihat daripada dua ciri utama, iaitu ciri luaran yang meliputi bentuk dan juga ciri dalaman yang melibatkan aspek tatabahasa.

Kata Kunci: kesinambungan, tatabahasa, ciri luaran, ciri dalaman, evolusi

Abstract

The development of writing Malay grammars is continuity. The first Malay grammar appeared in a form of table written by Frederick de Houtman (1603), followed by discussion of a few aspects of grammars by Sebastian Danckaerts (1623) in form of regulae and finally with a complete grammar, which is written in 1653 by Joannes Roman in form of schulgrammatike. These three grammars were continuity and influenced much by the Latin, in term of conjugations, word classes, etc. In light of this influenced, this paper attempts to discuss these grammars from the perspective of history of linguistics. The continuity from Latin grammar to these early Malay grammars was found in two features, internal feature and external feature.

***Keywords**: continuity, grammar, external feature, internal feature, evolution*

Pengenalan

Perkembangan ilmu linguistik adalah berkesinambungan (*continuity).* Kesinambungan bermaksud sesuatu idea linguistik yang dibincangkan dalam sesuatu zaman bukan muncul secara tiba-tiba dalam zaman tersebut, sebaliknya idea tersebut sebenarnya adalah warisan

dari zaman atau ahli linguistik yang terdahulu, dan idea linguistik tersebut juga akan terus dibincangkan pada zaman yang berikutnya. Konsep kesinambungan ini dinyatakan oleh Robin (1967,1993:2-4):

> "Sains linguistik hari ini, seperti juga cabang-cabang pengetahuan manusia dan pembelajaran yang lain, dan seperti semua aspek kebudayaan manusia juga, adalah hasil masa lampau dan acuan masa depannya….Dalam tiap-tiap generasi, ahli sains tidak memulakan kerja mereka dari kekosongan, tetapi bekerja berasaskan dan dalam keadaan sains mereka, dan sains amnya yang telah diwarisi daripada kebudayaan dan zaman mereka…Setiap sains berkembang dari masa lampaunya, dan tahap yang dicapai dalam generasi sebelumnya merupakan titik permulaan bagi tahap yang berikutnya. Tetapi tiada sains yang berkembang dalam vakum, tanpa rujukan atau hubungan dengan sains-sains lain, dan dengan suasana am dalam mana apa jua bentuk pembelajaran digalakkan atau diterima dalam sesuatu kebudayaan."

Kenyataan Robin ini memperlihatkan bahawa setiap sains itu berkembang dari masa lampaunya, iaitu secara berkesinabungan bukan berkembang dalam vakum. Begitu juga dengan sains linguistik yang berkembang secara berkesinambungan.

Perkembangan sejarah linguistik Melayu juga berkesinambungan. Aspek kesinambungan dalam linguistik Melayu dapat dilihat dalam sejarah penulisan tatabahasa Melayu. Kesinambungan ini bukan sahaja melibatkan tatabahasa Melayu tetapi ia juga turut melibatkan kesinambungan dengan ilmu linguistik di Eropah.

Tatabahasa Melayu pertama kali muncul pada abad ke-17 dalam bentuk jadual yang dilampirkan dalam buku perbualan *Spraeck ende woord-boeck* (1603) karya Frederick de Houtman, diikuti oleh lampiran tatabahasa yang ditulis oleh Sebastian Danckaerts (1623) yang berjudul *Observationes aliquot hinc illinc decerptae ex Grammaticâ latinâ, utilissmae studiosis linguae Malaicae, insulis Iavâ Amboynâ, Moluccis, Bandâ & earundē circūvicinys usurpatae* dan, buku tatabahasa Melayu yang dikarang oleh Johannes Roman yang berjudul *Kort Bericht vande Maleysche Letter-Konst* (1653).


Aspek tatabahasa yang dipaparkan oleh Frederick de Houtman (1603) ialah jadual konjugasi. Jadual-jadual yang dipaparkan meliputi jadual kala, modus, dan bilangan. Lima daripada jadual tersebut terdiri daripada jadual kala, manakala lima jadual lagi ialah jadual modus, dan satu jadual bilangan. Jadual kala de Houtman meliputi kala kini, kala lampau selesai, kala mendatang dengan kata kerja *hebben* dan kala kini dan kala lampau selesai

dengan kata kerja *zijn*. Jadual modus pula terdiri daripada satu jadual imperatif dan empat jadual subjunktif. Jadual subjunktif ini terdiri daripada jadual subjunktif lampau dan subjunktif kini dengan kata kerja *hebben;* dan jadual subjunktif lampau dan kini dengan kata kerja *zijn*. Jadual bilangan pula terdiri daripada senarai pronomina persona. Jadual tatabahasa ini diberikan dalam dua bahasa, iaitu bahasa Belanda-bahasa Melayu.

Tatabahasa Danckaerts yang muncul pada tahun 1623 pula hanya menghuraikan aspek penambahan dalam Bahasa Melayu iaitu, *particulae praepositive*: penambahan yang terdapat pada bahagian hadapan, dan *particulae postpositive*: penambahan pada bahagian belakang kata. Penambahan *particulae praepositive* yang terdapat pada bahagian hadapan kata terdiri daripada awalan, manakala penambahan *particulae postpositive* yang terdapat pada bahagian belakang kata terdiri daripada akhiran, pronomina posesif, dan kata penegas.

Hanya pada tahun 1653, tatabahasa Melayu yang lengkap selesai ditulis. Tatabahasa ini disusun oleh Johannes Roman dengan menggunakan kerangka kelas kata. Sebanyak tujuh kelas kata bahasa Melayu dibincangkan, iaitu *Namen* 'nomina', *Voor-namen* 'pronomina', *Woorden* 'verba', *By-woorden* 'adverbia', *Voorzettingen* 'preposisi', *Koppelingen* 'konjungsi', *Inwurpen* 'interjeksi'.

Kesinambungan penulisan tatabahasa Melayu ini yang bermula dengan pemaparan jadual-jadual konjugasi oleh Frederick de Houtman (1603), diikuti dengan penghuraian tatabahasa oleh Danckaerts (1623) yang berbentuk *regulae* dan penghasilan buku tatabahasa yang lengkap berbentuk *schulgrammatike* oleh Roman (1653) adalah seperti dalam Rajah 1 berikut.



RAJAH 1 Kesinambungan Tatabahasa Melayu Abad ke-17

Penulisan tatabahasa Melayu yang bersifat evolusi dan berkesinambungan ini boleh dianggap agak ketinggalan jika dibandingkan dengan perkembangan pesat bahasa Melayu itu sendiri, dan juga jika dibandingkan dengan penulisan tatabahasa India, Arab dan Greek. (Law, 2003; Collins, 2005). Namun begitu, jika dilihat secara menyeluruh, penulisan tatabahasa Melayu ini masih dikategorikan sebagai antara tatabahasa yang terawal diterbitkan di dunia (Karim, 2009). Rowe (1974) misalnya menyenaraikan 62 tatabahasa yang diterbitkan pada abad ke-16 dan ke-17, iaitu 21 tatabahasa diterbitkan pada abad ke-16 dan 41 pula diterbitkan pada abad-17 dan salah satu tatabahasa yang diterbitkan pada abad ke-17 ini ialah tatabahasa Melayu.

Tradisi awal penulisan tatabahasa Melayu ini dilakukan oleh orang Belanda, khususnya para pedagang dan pendeta Belanda. Frederick de Houtman (1603) adalah seorang pedagang, manakala Sebastian Danckaerts (1623) dan Johannes Roman (1674) pula adalah pendeta Kristian, dan mereka adalah antara orang Belanda yang menulis tatabahasa Melayu pada abad tersebut dengan hasrat hendak membantu orang Eropah mempelajari bahasa Melayu. Oleh sebab penulisan tatabahasa Melayu ini dihasilkan oleh orang Eropah, maka aspek kesinambungan tatabahasa Eropah khususnya tatabahasa Latin amat terserlah dalam penulisan tatabahasa Melayu. Justeru makalah ini akan membincangkan kesinambungan tatabahasa Latin ke dalam tatabahasa Melayu pada abad ke-17.

Kesinambungan tatabahasa Latin dalam tatabahasa Melayu

Kesinambungan aspek tatabahasa Latin dalam tatabahasa Melayu yang dikarang oleh de Houtman (1603), Danckaerts (1623) dan Roman (1653) boleh dilihat daripada dua ciri, iaitu ciri luaran dan ciri dalaman. Ciri luaran bermaksud bentuk atau format tatabahasa itu sendiri sudah menggambarkan wujudnya unsur Latin, misalnya penggunaan kerangka kelas kata, jadual konjugasi, dan penggunaan bahasa Latin. Dengan kata lain, hanya dengan melihat bentuk tatabahasa ini sahaja, kita sudah boleh membuat kesimpulan bahawa tatabahasa ini adalah kesinambungan daripada tatabahasa Latin. Ciri dalaman pula bermaksud aspek yang dibincangkan, iaitu aspek tatabahasa, misalnya kasus, kala, modus,

kata majmuk, partisipel dan pronomina. Ciri dalaman ini adalah kesinambungan perbincangan daripada tatabahasa Latin.

Kesinambungan Latin: Ciri luaran

Kesinambungan tatabahasa Latin dalam tatabahasa Melayu boleh dilihat berdasarkan perbincangan sistem tulisan. Dalam tatabahasa Latin perbincangan aspek tulisan amat dititikberatkan. Perbincangan yang sama juga dapat dilihat dalam penulisan tatabahasa Melayu pada abad ke-17 ini, khususnya dalam tatabahasa Roman (1653). Dalam tatabahasa Roman terdapat satu bahagian, iaitu bahagian pertama yang membincangkan aspek tulisan Arab-Melayu. Sebanyak tiga belas halaman diperuntukkan oleh Roman untuk membincangkan aspek sistem tulisan bahasa Melayu.

Dalam penulisan tatabahasa pada abad ke-17 ini, perbincangan tentang ejaan sebagai sebahagian daripada tatabahasa adalah satu keperluan penting sebelum membincangkan kelas kata. Perbincangan tentang ejaan ini adalah kesinambungan tradisi Yunani dan Latin. Dalam tradisi Latin, sesuatu tatabahasa mengandungi empat aspek, iaitu *orthographia*, *prosodia*, *etymologia*, dan *syntaxsis* (Dibbets 1992). Perbincangan tentang sistem ejaan ini adalah kesinambungan daripada orang Yunani yang melihat unsur bahasa sebagai *grammata*, dan dalam bahasa Latin pula *literae* 'huruf-huruf' (Gonda 1936). Kesinambungan ini berterusan dalam penulisan tatabahasa Melayu yang dihasilkan pada abad ke-17. Tatabahasa Roman (1653) misalnya, mempunyai dua bahagian, bahagian pertama tentang sistem ejaan dan bahagian kedua tentang kelas kata atau tatabahasa. Bahagian pertama ini diberi judul *Kort Bericht In de Maleysche Letter-Konst* adalah bahagian khusus yang membincangkan sistem ejaan bahasa Melayu.

Ciri luaran lain yang dapat dikenal pasti sebagai kesinambungan tatabahasa Latin dalam tatabahasa Melayu ialah penggunaan kerangka kelas kata. Harimurti (1991) menyatakan "apa yang disebut tata bahasa atau gramatika, baik yang ada dalam karya-karya awal dalam bidang ini maupun yang ada dalam sebagian besar karya orang Indonesia dalam abad ini, tidak lain daripada uraian tentang kelas kata." Dengan kata lain, penulisan tatabahasa Melayu sejak dahulu sememangnya memanfaatkan kerangka kelas kata. Penggunaan kelas kata sebagai kerangka ini adalah kesinambungan daripada tradisi

penulisan tatabahasa Latin. Kerangka kelas kata tatabahasa Latin ini telah menjadi kerangka penulisan tatabahasa vernakular di Eropah, termasuk tatabahasa bahasa Belanda, Jerman, Inggeris, Sepanyol dan Itali. Kerangka ini jugalah yang diterapkan ke dalam penulisan tatabahasa Melayu pada abad ke17. Penggunaan kerangka tatabahasa Latin ini bukan sahaja berkesinambungan untuk bahasa-bahasa vernakular di Eropah tetapi juga bahasa Melayu yang dituturkan beribu-ribu kilometer jauhnya dari Eropah.

Kesinambungan tatabahasa Latin dari aspek luaran juga boleh dilihat dalam jadual tatabahasa Frederick de Houtman (1603). Pemaparan jadual konjugasi oleh de Houtman dalam bahasa Melayu adalah kesinambungan daripada tatabahasa Latin. Bahasa Melayu adalah bahasa analitikal bukan bahasa yang berfleksi seperti bahasa Belanda dan Inggeris. Frederick de Houtman sedar bahawa dalam bahasa Melayu tidak ada perubahan kata kerja, tetapi beliau masih juga membincangkan aspek konjugasi. Dalam bahasa Melayu yang tidak mengalami perubahan kata kerja, kata bantu dilihat memainkan peranan untuk menentukan kala. Justeru penggunaan jadual ini adalah sebagai garis panduan dan alat bantu untuk memahami tatabahasa sesuatu bahasa.

Penggunaan jadual dalam memaparkan aspek tatabahasa Melayu ini adalah kesinambungan daripada buku tatabahasa Latin. Frederick de Houtman mengikuti format buku tatabahasa bahasa Latin yang membekalkan jadual pada bahagian belakang buku tatabahasa dengan tujuan untuk memberi kemudahan kepada orang yang mempelajari bahasa Latin. Penggunaan jadual ini masih berkesinambungan hingga kini. Ini dapat dilihat dalam buku pelajaran Latin yang diterbitkan pada abad ke-20 yang juga masih menggunakan format yang sama, iaitu di belakang buku tersebut dibekalkan dengan jadual-jadual termasuklah jadual konjugasi (lihat Wheelock 1963: 380-395, Fokker 1954:139-151).

Kesinambungan Latin : Ciri dalaman

Kesinambungan Latin dalam tatabahasa Melayu juga dapat dilihat melalui ciri dalaman, iaitu aspek tatabahasa. Dalam tatabahasa Melayu yang dihasilkan pada abad ke-17 ini, ciri dalaman yang berkesinambungan daripada tatabahasa Latin yang dapat dikesan antaranya ialah kasus, gender, kala, modus dan juga bilangan.

Aspek kasus yang dibincangkan dalam tatabahasa Melayu adalah kesinambungan daripada tatabahasa Latin. Bahasa Melayu tidak mempunyai kasus, tetapi tatabahasa Melayu abad ke-17 membincangkan kasus sebagai sebahagian daripada ciri bahasa Melayu. Tatabahasa Roman (1653) membincangkan kasus dalam bahasa Melayu dengan panjang lebar. Dalam tatabahasa ini Roman membincangkan enam kasus dalam bahasa Melayu, iaitu *nomer* 'nominatif', *barer* 'genitif', *gever* 'datif', *aenklager* 'akusatif', *roeper* 'vokatif' dan *ofnemer* 'ablatif'. Kesinambungan kasus Latin dalam tatabahasa Roman bukan berlaku secara langsung daripada tatabahasa Latin, sebaliknya pengaruh ini daripada tatabahasa Belanda Twe-spraack (1584). Untuk bahasa Belanda, *Twe-spraack* juga menyenaraikan enam kasus yang diambil daripada bahasa Latin. Ini dinyatakan dalam Twe-spraack (1584) (dalam Gonda 1936) " *De Latijnen hebender zes, die wy in dezen volghen zullen, om daar deur tot grondlyker Naspuering der eighenschappen onses taal te komen*".[1] Gonda (1936) yang menelusuri kasus Roman ini membuktikan bahawa kasus Roman diambil daripada *Twe-spraack.* Antara bukti yang diberikan oleh Gonda (1936) ialah contoh-contoh Roman dalam bahasa Melayu yang mirip kepada contoh bahasa Belanda yang terdapat dalam *Twe-Spraack*. Manakala *Twe-Spraack* pula berkemungkinan mengambil kasus daripada *Exercitium puerorum grammaticale* yang diterbitkan pada tahun 1485.[2] Keenam-enam kasus ini jugalah yang diterapkan oleh Roman ke dalam bahasa Melayu. Dengan demikian, perbincangan Roman mengenai kasus dalam bahasa Melayu menyamai kasus yang terdapat dalam bahasa Latin dan bahasa Belanda.

Tatabahasa Melayu abad ke-17 juga membincangkan aspek gender. Walaupun mereka menyedari bahasa Melayu tidak mempunyai gender, namun mereka tetap membincangkannya. Perbincangan ini adalah kesinambungan tatabahasa Latin dan tatabahasa Belanda. Oleh sebab kedua-dua tatabahasa membincangkan aspek gender, maka mereka juga turut merasakan keperluan tatabahasa Melayu untuk membincangkan aspek gender. Misalnya Roman menyatakan "*Maer om in doe dingen de welcke leven ontsangen,*

[1] "Bahasa Latin memiliki enam, yang kami ikuti agar mendapat jalan ke penelusuran yang lebih mendalam tentang ciri-ciri khas daripada bahasa kita"

[2] Gonda (1936) membincangkan susur galur kasus Roman yang dikaitkan dengan *Twe-spraack* (abad ke-16), *Exercitium puerorum grammaticale* (abad ke-15), Prisician (abad ke-6) dan Donatus (abad ke-4), orang Romawi, Stoic dan Aristotles.

*het **mannelycke** van het **wysselycke-geslacht** te onderscheyden, zoo werdt by de name, als het mannelycke werdt verstaen, gevoeght lelaki, ende om het wysselycke te beteeckenen perampoean, ofte wel als eenigh beest is betina* "[3] Dengan kata lain, dalam bahasa Melayu, untuk benda-benda yang bernyawa terdapat penggunaan *mannelycke* 'maskulin' dan *wysselycke* 'feminin'. Beliau memberi contoh perkataan yang menjadi penanda kepada *geslacht* 'gender' dalam bahasa Melayu, iaitu:

(1) *lelaki* 'lelaki'
(2) *perampoean* 'perempuan'
(3) *betina* 'betina'

Daripada contoh di atas (1) *lelaki* menunjukkan *mannelycke*, manakala (2) *perampoean* dan (3) *betina* pula menunjukkan *wysselycke*. Roman memberi contoh penggunaannya dalam Melayu, misalnya:

(4) *orang lelaki* 'orang lelaki'
(5) *orang perampoean* 'orang perempuan'
(6) *antjing betina* 'anjing betina'

Walaupun *perampoean* dan *betina* dikategorikan sebagai *wesselycke*, namun Roman sedar perbezaan kedua-dua perkataan tersebut dari segi penggunaannya dalam bahasa Melayu. Roman menggunakan perkataan *perampoean* untuk merujuk kepada manusia, manakala perkataan *betina* digunakan untuk haiwan. Namun, seperti yang dijelaskan oleh Roman, penanda-penanda ini hanya digunakan untuk hidupan atau benda-benda yang bernyawa sahaja.

Kenyataan peripentingnya hidup/kebernyawaan ini diterangkan oleh Roman kerana dalam bahasa Belanda aspek ini sangat berlainan. Pembahagian gender dalam bahasa Belanda bukan sahaja meliputi hidupan (manusia, haiwan, tumbuhan), tetapi juga meliputi benda atau objek (Schnitzlers 1919:202). Dalam bahasa Melayu Roman hanya memberikan contoh yang berkaitan dengan hidupan, iaitu manusia dan haiwan. Dengan kata lain, objek atau benda dalam bahasa Melayu tidak mempunyai *geslacht* seperti yang berlaku dalam

[3]"Tetapi untuk kata-kata yang menerima hidup/bernyawa, maskulin dan feminin-gender dipisahkan oleh kata nama ditambahkan sebagai lelaki, dan feminin pula perampoean, atau untuk binatang ialah betina"

bahasa Belanda. Tambahan lagi, dalam bahasa Belanda pembahagian gender ini terbahagi kepada tiga, iaitu maskulin, feminin dan neutral.

Perbincangan sistem kala, modus dan bilangan juga adalah kesinambungan tatabahasa Latin. Dalam Bahasa Melayu kata kerja tidak mempunyai sistem kala, modus dan bilangan seperti bahasa Latin atau bahasa Belanda. Namun, dalam tatabahasa Melayu abad ke-17, aspek-aspek ini turut dibincangkan dan juga disenaraikan dalam jadual. Ini juga memperlihatkan bahawa penulisan tatabahasa Melayu adalah berkesinambungan dengan struktur tatabahasa yang baku pada zamannya, yakni acuan tatabahasa Latin.

Kesinambungan tatabahasa Latin yang terdapat dalam tatabahasa Melayu pada abad ke-17 juga berlanjutan dalam tatabahasa-tatabahasa yang ditulis oleh orang Belanda pada abad ke-19 dan abad ke- 20. Pengaruh ini dapat dilihat dalam perbincangan mereka tentang kala, pronomina, kasus, dan gender (lihat misalnya De Hollander 1893/1984; van Wijk 1909/1985; Spat 1910/1989).

Kesimpulan

Tradisi penulisan tatabahasa Melayu pada abad ke-17 ini banyak dipengaruhi oleh tatabahasa yang ditulis di Eropah, khususnya tatabahasa Latin. Pengaruh ini adalah kesan daripada suasana keintelektual pada waktu tersebut. Kesan suasana keintelektualan ini dapat dilihat berdasarkan perkembangan penelitian bahasa di Eropah pada waktu itu yang bukan sahaja memberi tumpuan terhadap bahasa-bahasa di Eropah untuk diteliti, malah bahasa-bahasa dari ‘dunia baru’ termasuk bahasa Melayu turut mendapat perhatian. Para pendeta pula menjadi pemangkin dalam membantu mengembangkan penelitian linguistik ini. Para pendeta ini yang menerima pendidikan gereja yang mementingkan pembelajaran tatabahasa telah menghasilkan daftar kata dan juga tatabahasa. Begitulah, sejarah awal tatabahasa Melayu. Pendeta-pendeta Belandalah yang memulakan tradisi menulis tatabahasa Melayu dan membawa kesinambungan asing, khususnya tatabahasa Latin ke dalam tatabahasa Melayu.

Rujukan

Bloomfield. L.1933. *Language*. New York : Holt.

Collins, J.T. 2005. *Bahasa Melayu Bahasa dunia: sejarah singkat.* Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.

Deshpande.M.M. 1995. Ancient Indian Phonetics. In Koerner E.F.K. & Asher R.E. (eds.). *Concise history of language sciences : from the Sumerians to the cognitivists*, hlm.72-76. Oxford : Elsevier Science Ltd.

Frederick De Houtman. 1603. *Spraeck ende woord-boeckIindemaleysche ende madagaskasche Talen, met vele Arabische ende Turcsche woorden.* Amsterdam: Jan Evertsz.

Gonda, J. 1936. Over oude grammatika's en ouds in de grammatika. In *Indische Gids*, 59(2): 867-875

Karim Harun. 2009. Pengaruh Tatabahasa Eropah dalam Tatabahasa Bahasa Melayu. Jurnal Bahasa. Jilid 9 Bil 1,

Kiparsky, P. 1995. Paninian linguistics. In Koerner E.F.K. & Asher R.E. (eds.). *Concise history of language sciences : from the Sumerians to the cognitivists*, 59-65. Oxford : Elsevier Science Ltd.

Koerner.E.F.K. 1975. European structuralism: Early beginnings. In T. Sebeok (ed.). 1975. *Current trends in linguistics*.

_____. 1978. *Toward a Historiography of linguistics*. Amsterdam : John Benjamins B.V.

Koerner, E.F.K. 1995b. Historiography of linguistics. In Koerner E.F.K. & Asher R.E. (eds.). *Concise history of language sciences : from the Sumerians to the cognitivists*, 7-18. Oxford : Elsevier Science Ltd.

Kuhn, T. 1962. *The structure of the scientific revolutions*. Chicago: The University of Chicago Press.

Law, V. 2003. The history of linguistics in Europe. Cambridge: Cambridge University Press.

Moeliono, A. & Soenjono, D. (eds.). 1988. *Tatabahasa baku bahasa Indonesia*. Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia.

Nik Safiah, Farid, Hashim, Abdul Hamid. 2008. *Tatabahasa Dewan* (Edisi ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Robin. R.H. 1967. *A short history of linguistic*s. Essex: Longman.

_____.1993. *Sejarah Ringkas Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Roman. J. 1689. *Grondt ofte kort bericht van de Maleysche tale, vervat in twee deelen; het eerste handelende van de letters ende haren aenhangh het andere, van de deelen eener Redene*. Amsterdam: Paulus Mattysz.

Rowe, J. H. 1974. Sixteenth and seventeenth century grammars. In D. Hymes (ed.) *Studies in the History of linguistics: traditions and paradigms*. H. 361-379.

Suleiman, Y. 1995. Arabic linguistics tradition. In Koerner E.F.K. & Asher R.E. (eds.). *Concise history of language sciences : from the Sumerians to the cognitivists*, hlm.28-40. Oxford : Elsevier Science Ltd.

Wiltens, Caspar. & Danckaerts, S. 1623. *Vocabularium, ofte Vvoort-boeck, naer ordre vanden Alphabet in 't Duytsch-Maleysch, ende Maleysch-Duystch.* 'S Graven-haghe: de Wedue, ende Erfghenamen van Wijlen Hillebrant Ja-.